

PM tidak tahu BPR siasat Rafidah

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak tahu mengenai siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berhubung dengan peruntukan 1.5 juta saham Leader kepada menantunya, Fazrin Anwar Mohd. Nor.

"Saya hanya mengetahui perkara tersebut dalam laporan akhbar," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian projek pembinaan jambatan kedua Sungai Yangtze, Nanjing antara Kumpulan Berjaya dengan Majlis Perbandaran Nanjing di sini hari ini.

Menurutnya, tidak semua siasatan yang dijalan-

kan oleh BPR dilaporkan kepadanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Othman Abdul sebagai berkata, BPR sedang menyiasat peruntukan 1.5 juta saham Leader kepada menantu Rafidah.

Othman yang menjawab satu soalan bertulis di Dewan Rakyat berkata, siasatan itu bagi menentukan sama ada wujud atau tidak percanggahan kepentingan ketika Rafidah meluluskan peruntukan berkenaan di dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Rafidah 15 Mei tahun lalu.

Dalam perkembangan lain mengenai perlantikan Ketua Menteri Sabah yang baru bagi menggantikan Tan Sri Sakaran Dandai yang telah memohon untuk meletak jawatan, Dr.

Mahathir berkata, setakat ini belum ada sebarang keputusan mengenai perlantikan itu.

"Keputusan perlantikan ini akan dibuat oleh parti," katanya menjawab pertanyaan pemberita.

Mengenai kesusahan yang dialami oleh pelabur Malaysia di China, Dr. Mahathir mengingatkan pelabur-pelabur bahawa mereka harus memahami keadaan sesuatu negara dan tidak semua akan dilayan dengan baik.

Bagaimanapun, katanya, beliau berpuas hati dengan prestasi pelabur Malaysia di luar negara sungguhpun pelbagai cabaran di hadapi oleh mereka.

"Bila anda melabur di luar negara anda mesti menjangka sesuatu yang berlainan dari layanan yang diberi oleh negeri sendiri," katanya.